



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK DAN SURAT SETUJU
TERIMA (SST) BAGI PROGRAM CAKNA MADANI :
PELAKSANAAN PROGRAM MENAIKTARAF
INFRASTRUKTUR KESELAMATAN JALAN RAYA
TAHUN 2026**

BAGI

**MEMPERELOK LOKASI KERAP BERLAKU KEMALANGAN
(BLACKSPOT) FASA 1&2 DAN LINTASAN PEJALAN KAKI
SEARAS BERLAMPU ISYARAT (LPKSI)**

22 JULAI 2026 (RABU) | 2:00 PETANG
GARAJ A, BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL,
JKR MALAYSIA

<<<Salutasi akan diberikan oleh Urus Setia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas jemputan untuk menyempurnakan **Majlis Penyerahan Projek dan Surat Setuju Terima (SST) Program Cakna MADANI: Pelaksanaan Program Menaik Taraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya Tahun 2026**, yang merangkumi pelaksanaan Projek Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (Blackspot) Fasa 1 dan Fasa 2 serta pembinaan Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI).
2. Program ini mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI untuk memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat secara langsung kepada rakyat melalui penyediaan infrastruktur jalan raya yang lebih selamat, berkualiti dan berdaya tahan.

3. Selaras dengan semangat Program Cakna MADANI, pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi seperti ini perlu dipercepatkan bagi memastikan rakyat menikmati infrastruktur jalan raya yang lebih selamat, sekali gus mengurangkan risiko kemalangan, melindungi nyawa serta mewujudkan persekitaran perjalanan yang lebih selesa dan kondusif.

KESELAMATAN JALAN RAYA KEUTAMAAN KERAJAAN MADANI

Hadirin yang saya hormati,

4. Keselamatan pengguna jalan raya merupakan keutamaan nasional yang tidak boleh dikompromi. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus memperkukuh usaha memastikan infrastruktur jalan raya negara sentiasa berada pada tahap yang selamat, cekap dan mampan demi melindungi nyawa serta menjamin kesejahteraan rakyat.
5. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR), dengan kerjasama strategik Polis Diraja Malaysia (PDRM), terus mempergiat pelaksanaan pelbagai inisiatif berasaskan data dan keperluan sebenar di lapangan bagi mempertingkatkan tahap keselamatan infrastruktur jalan raya secara menyeluruh.

PROGRAM BLACKSPOT: INTERVENSI BERASASKAN DATA DEMI KESELAMATAN RAKYAT

6. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan ialah Program Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (Blackspot), iaitu pendekatan strategik Kementerian Kerja Raya dalam menangani lokasi-lokasi berisiko tinggi yang dikenal pasti melalui analisis data Road Accident Management System (RAMS), sebuah platform digital yang digunakan secara menyeluruh sejak tahun 2021.
7. Pendekatan berasaskan data ini membolehkan setiap intervensi dirancang dan dilaksanakan secara lebih tepat, bersasar dan berkesan, sekali gus memastikan sumber Kerajaan dimanfaatkan secara optimum bagi menangani faktor-faktor yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya.
8. Sepanjang tempoh 2021 hingga 2025, sebanyak 342 lokasi Blackspot telah berjaya dirawat melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM118.5 juta. Pelaksanaan program ini telah membantu meningkatkan tahap keselamatan infrastruktur jalan raya, mengurangkan risiko kemalangan serta melindungi pengguna jalan raya dengan lebih baik.

PROGRAM LPKSI : MEMPERKUKUH KESELAMATAN PEJALAN KAKI

Hadirin sekalian,

9. Dalam usaha memastikan keselamatan pejalan kaki terus diberi perhatian, KKR telah melaksanakan Program Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI) sejak tahun 2018 bagi menyediakan kemudahan lintasan yang lebih selamat, teratur dan mesra pengguna.
10. Melalui program ini, kemudahan lintasan pejalan kaki berlampu isyarat disediakan di lokasi-lokasi strategik, khususnya berhampiran institusi pendidikan, fasiliti kesihatan serta kawasan yang mempunyai jumlah pergerakan pejalan kaki yang tinggi.
11. Sehingga tahun 2025, sebanyak 154 lokasi telah dilengkapi dengan kemudahan LPKSI yang melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM39.79 juta. Pelaksanaan program ini telah membantu meningkatkan keselamatan pejalan kaki, mengurangkan risiko kemalangan serta memberi keyakinan kepada masyarakat terhadap kemudahan jalan raya yang lebih selamat.

PELAKSANAAN PROGRAM TAHUN 2026

12. Pada tahun ini, sebanyak 94 lokasi strategik di Semenanjung Malaysia telah dikenal pasti bagi pelaksanaan projek menaik taraf infrastruktur keselamatan jalan raya.
13. Pelaksanaan projek tersebut akan melibatkan 77 lokasi di bawah Program Blackspot dengan peruntukan sebanyak RM27.85 juta serta 17 lokasi di bawah Program LPKSI dengan peruntukan sebanyak RM5.2 juta.
14. Pelaksanaan projek-projek ini akan memberi manfaat kepada penduduk di 11 negeri dan 36 daerah, sekali gus mempertingkatkan tahap keselamatan jalan raya serta menyumbang kepada kesejahteraan pengguna di kawasan yang terlibat.

MANFAAT PROGRAM KEPADA RAKYAT DAN EKONOMI SETEMPAT

Hadirin yang saya hormati,

15. Pelaksanaan program ini bukan sahaja mempertingkatkan tahap keselamatan dan kualiti infrastruktur jalan raya, malah turut menjana limpahan ekonomi kepada komuniti setempat melalui penglibatan

kontraktor tempatan, pewujudan peluang pekerjaan serta rangsangan kepada aktiviti ekonomi di kawasan terlibat.

16. Secara tidak langsung, inisiatif ini menjadi pemangkin kepada pengukuhan ekonomi akar umbi dan mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk memastikan setiap projek pembangunan bukan sahaja menyediakan infrastruktur yang lebih selamat, malah turut menjana manfaat ekonomi yang dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat.

PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)

17. Pada hari ini, kita akan menyaksikan penyerahan Surat Setuju Terima (SST) kepada 32 kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan Program Blackspot Fasa 2. Dalam masa yang sama, kita turut merakamkan penghargaan kepada kontraktor-kontraktor yang telah berjaya menyiapkan projek di bawah Program Blackspot Fasa 1 dan Program Lintasan Pejalan Kaki Sejaras Berlampu Isyarat (LPKSI) mengikut tempoh dan sasaran yang ditetapkan.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

18. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua kontraktor yang menerima Surat Setuju Terima (SST) pada hari ini. Kepercayaan yang diberikan ini merupakan satu amanah besar yang menuntut komitmen, profesionalisme dan integriti yang tinggi.

19. Saya yakin setiap projek akan dilaksanakan dengan cekap serta dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan agar manfaatnya dapat dinikmati oleh rakyat dengan secepat mungkin.

20. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kontraktor-kontraktor Program Blackspot Fasa 1 dan Program LPKSI yang telah berjaya menyiapkan projek mengikut sasaran yang ditetapkan. Komitmen, kerjasama dan dedikasi yang ditunjukkan telah menyumbang kepada peningkatan keselamatan jalan raya demi manfaat pengguna.

21. Saya turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah, Polis Diraja Malaysia serta semua

pihak yang terlibat atas komitmen berterusan dalam memastikan setiap usaha pembangunan dan penyenggaraan jalan raya dilaksanakan dengan baik demi kepentingan rakyat, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI.

22. Akhir kata, saya berharap agar Program Cakna MADANI ini akan terus menjadi sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan dalam memperkukuh keselamatan infrastruktur Jalan Persekutuan demi kesejahteraan rakyat.

23. Semoga setiap projek yang dilaksanakan dapat disiapkan dengan baik mengikut jadual, seterusnya memberikan manfaat yang berpanjangan serta memastikan perjalanan yang lebih selamat, selesa dan lancar kepada seluruh pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.